



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“RAMADAN: AMALAN TERPUJI – LUHUR PEKERTI”

15 Mac 2024 / 4 Ramadan 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِبِنِعْمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ،
وَضَاعَفَ فِيهِ الْأَجُورَ وَالْإِنْعَامَ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامَ وَفِي لَيْلِهِ الْقِيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ
السَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَنَ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Ilahi dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita dilimpahi taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “RAMADAN: AMALAN TERPUJI - LUHUR PEKERTI”

Firman Allah SWT, ayat 277 surah al-Baqarah:

﴿إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾﴾

Bermaksud: Sesungguhnya mereka yang beriman, mengerjakan amalan soleh, mendirikan solat dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhan mereka. Mereka tidak bimbang (berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka tidak pula bersedih hati.

Amalan terpuji ialah amal baik yang berperanan besar dalam menjamin kesejahteraan hidup setiap Muslim, baik ketika berada di dunia, begitu juga ketika berada di akhirat. Ayat 277 surah al-Baqarah menyatakan bahawa mereka yang

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



beramal soleh akan mendapat ganjaran pahala; mereka tidak gusar dan tidak bimbang apabila ditimpa bencana, dan tidak akan takut pada hari manusia menjadi resah dan gundah menanti giliran hisab di mahkamah Allah SWT.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Kita sedang berada dalam bulan yang penuh keberkatan serta limpahan rahmat pintu pengampunan yang terbuka seluas-luasnya. Mimbar memperingati seluruh ummah untuk melaksanakan ibadah puasa dengan penuh keimanan dan pengharapan berpandukan sabda Baginda Rasulullah SAW:

الصِّيَامُ جُنَّةٌ فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَجْهَلُ وَإِنْ أَمْرٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ مَرَّتَيْنِ...

Bermaksud: “Puasa adalah perisai, maka janganlah berkata keji, dan jangan melakukan dosa. Jika ada orang yang mengajak bergaduh, atau mencaci maki, maka ulangilah ucapan “Saya sedang berpuasa, saya sedang berpuasa”. (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Hadis yang seumpama menurut riwayat Imam at-Tirmizi, menghuraikan lafaz الصِّيَامِ

جُنَّةٌ مِنَ النَّارِ bermaksud “puasa adalah perisai daripada api neraka”; memperkukuhkan hujah, betapa tingginya kedudukan ibadah puasa, yang sewajibnya dilaksanakan dengan penuh keimanan dan pengharapan untuk memperoleh perisai daripada azab api neraka.

Ramadan merupakan bulan yang dapat menghidupkan akhlak mulia melalui tarbiah amalan kebaikan. Puasa mendidik umat untuk sentiasa mensyukuri nikmat dan hidup berkasih sayang sesama insan. Kelaparan yang dirasai ketika berpuasa semoganya menginsafkan diri kita akan erti penderitaan yang dilalui oleh mereka yang berada dalam kesusahan. Melalui keinsafan tersebut, semoga akan bertunas rasa belas dan ihsan untuk bersedia berkongsi rezeki dan nikmat yang Allah SWT telah limpahi kepada kita yang berada dalam kesenangan.

Memberi makan kepada manusia merupakan amal makruf yang amat mudah dilakukan, namun tidak semua orang terbuka pintu hati mahu melakukannya, meskipun dalam kalangan orang-orang yang telah dilimpahi dengan rezeki mewah yang melimpah ruah. Kerana itu Allah SWT amat menggalakkan amalan



memberi makanan kepada orang-orang yang memerlukan, dilakukan dengan penuh keikhlasan seperti firman Allah SWT, melalui ayat 12 hingga 16 surah Al-Balad:

﴿وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿١٢﴾ فَكُّ رَقَبَةٍ ﴿١٣﴾ أَوْ إِطْعَمٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ﴿١٤﴾ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿١٥﴾ أَوْ
مَسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ﴿١٦﴾﴾

Bermaksud: “Dan tahukah kamu apakah amalan menempuh jalan yang sukar? (Antara amalan itu bagi orang yang mampu) ialah memerdekakan hamba abdi. Atau memberi makan pada hari kelaparan. Kepada anak yatim yang ada hubungan kerabat. Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah (fakir)”.

Selain daripada menghidupkan solat dan bacaan al-Quran serta bersedekah harta dan wang ringgit kepada mereka yang memerlukan, amalan-amalan seperti memberi makanan kepada jiran tetangga, mendoakan keluarga dan rakan taulan, termasuk dalam amalan terpuji. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan mafhumnya, “Apabila kamu memasak lauk pauk, maka perbanyaklah kuahnya, kemudian lihatlah ahli jiran kamu dan berikanlah kepada mereka.” Apa yang terkandung dalam hadis tersebut, mengingatkan kita mengenai tradisi amalan murni masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu dan wajar terus dihidupkan kerana bertepatan dengan amalan makruf yang diajarkan oleh agama.

Jemaah Rahimakumullah

Saban tahun kita mendengar berlaku perbuatan pembaziran makanan. Kajian pada tahun 2023, menganggarkan sebanyak 44 peratus daripada kutipan bahan buangan adalah dari sisa makanan. Angka ini jelas menggambarkan sikap manusia yang tidak insaf dan tidak bersyukur. Ingatlah peringatan Allah SWT yang sangat tegas melarang perbuatan membazir dengan menyifatkan pelakunya sebagai saudara syaitan. Oleh itu hindari daripada mengikut nafsu dengan tidak melakukan perbuatan membazir yang akan mencacatkan keberkatan amalan, di samping merencatkan kurniaan pahala daripada Allah SWT.

Ambillah iktibar akan penderitaan yang sedang dialami oleh saudara-saudara kita yang berada di bumi al-Aqsa ketika ini, terpaksa mengisar makanan haiwan ternakan untuk membuat roti kerana ketiadaan tepung gandum. Pelbagai saluran media mendedahkan keadaan kebuluran yang kian meruncing, yang dihadapi oleh



lebih tujuh ratus ribu rakyat Palestin yang menghadapi risiko kehilangan nyawa akibat sekatan bantuan kemanusiaan yang dilakukan oleh perbuatan kejam rejim Israel yang zalim terhadap mereka. Menginsafi keadaan ini, mimbar menyeru kepada ummah agar mengambil pengajaran dan peringatan, antaranya:

Pertama: Menghidupkan bulan Ramadan dan menghayati ibadah puasa dengan menggunakan setiap peluang yang ada, memberi sepenuh masa untuk melakukan amal kebaikan, beramal soleh seperti menggandakan amalan sunat, bertadarus dan tadabbur al-Quran, serta memperbanyakkan sedekah membantu mereka yang dalam keadaan susah dan sengsara.

Kedua: Rancang dan kawal hidangan berbuka puasa dan hidangan bersahur secara sederhana agar tidak berlaku pembaziran makanan, perbuatan yang dikeji oleh Allah SWT. Jangan terpengaruh dengan iklan-iklan para peniaga yang bertujuan mengaut keuntungan, menjadikan ibadah berbuka puasa sebagai pesta makanan dan pesta menjamu selera untuk memenuhi nafsu

Ketiga: Mengekang diri daripada perbuatan-perbuatan yang dibenci oleh Allah SWT seperti mengeluarkan kata-kata berunsur fitnah, dusta, memaki, mengeji, sama ada melalui percakapan atau penulisan di media sosial.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing hati kami cenderung melakukan amal kebaikan sebanyak mungkin dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Jadikan kami istiqamah dan cekal bersemangat sepanjang Ramadan menjalani ibadah puasa dengan penuh keimanan dan pengharapan.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.﴾